

14/01/1997

Hashimoto umum dasar kerjasama

SINGAPURA, Isnin - Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto, akan mengumumkan satu pelan dasar bagi memperhebatkan kerjasama dengan Asia Tenggara memasuki abad ke-21 apabila beliau mengakhiri lawatannya ke rantau ini esok.

Dasar baru Jepun terhadap Asean, yang sudah pun digelar 'Doktrin Hashimoto', akan didedahkan oleh pemimpin Jepun itu dalam satu syarahan pada hari terakhir lawatan seminggunya ke lima negara pertubuhan serantau itu.

Pembantu berkata cadangan Hashimoto supaya diadakan sidang kemuncak kerap dengan pemimpin Asean, menerima sambutan menggalakan, dengan anggota terbesar Asean (Indonesia) menunjukkan minat paling besar.

Dalam rundungan sepanjang minggu lalu, Hashimoto juga menegaskan kepentingan kehadiran ketenteraan Amerika di Asia dan usaha bagi membawa China dalam aliran utama bagi menggalakkan kestabilan serantau, kata mereka.

Hashimoto tiba di Singapura semalam selepas melawat Brunei Darussalam, Malaysia, Indonesia dan Vietnam. Hashimoto juga pernah mengunjungi dua lagi negara Asean iaitu Thailand dan Filipina tahun.

Beliau ke Filipina hujung tahun lalu bagi menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) manakala lawatan ke Thailand dibuat ketika Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) pada awal tahun.

Hashimoto memberi taklimat kepada Sultan Hassanal Bolkiah (Brunei), Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (Malaysia), Presiden Suharto (Indonesia), Perdana Menteri Vo Van Kiet (Vietnam) dan Perdana Menteri Goh Chok Tong (Singapura) berhubung cadangan meluas Jepun untuk Asean.

"Beliau mencadangkan kami (Jepun dan Asean) mempunyai hubungan lebih erat pada peringkat tertinggi ... ya sidang kemuncak," kata seorang pegawai Jepun lewat semalam.

"Presiden Suharto memberitahu kami beliau akan mengemukakan cadangan ini pada pertemuan pemimpin Asean berikutnya sebagai syor Indonesia," katanya.

"Pandangan kami secara umum, semua pemimpin berkaitan menyokong usaha mengeratkan hubungan peringkat tertinggi antara Jepun dan Asean," kata pegawai itu.

Pemimpin Asean dalam pertemuan mereka di Bangkok pada 1995, bersetuju mengadakan pertemuan tidak rasmi setiap tahun dan bersedia mengundang rakan rapat menyertainya.

Pertemuan pertama diadakan di Jakarta pada November lalu dengan pemimpin Myanmar, Kemboja dan Laos - semuanya sudah memohon menyertai Asean - datang sebagai tetamu. - AFP

(END)